



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**01 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Harian Metro**

- |                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| - 22,000 penduduk bantah lebar jalan | 76 |
| - Beri PBT kuasa banteras denggi     | 76 |

**Sinar Harian**

- |                                 |    |
|---------------------------------|----|
| - Tugas Rela tiada had sempadan | 38 |
|---------------------------------|----|

**Berita Harian**

- |                                                            |    |
|------------------------------------------------------------|----|
| - Pemaju, kontraktor kena tindakan jika langgar syarat EIA | 12 |
|------------------------------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**01 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	22,000 penduduk bantah lebar jalan
Muka Surat	76



## 22,000 penduduk bantah lebar jalan

4A  
1/11/17  
MS/TG

**Ampang:** Lebih 22,000 penduduk Pandan Perdana, di sini membantah tindakan pihak pemaju projek perumahan yang akan menebang 200 pokok di sepanjang laluan membatikkan kawasan perumahan penduduk untuk projek pelebaran jalan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pandan Perdana, Lim Ah Chai, 60, berkata, penduduk mahu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengkaji semula projek pelebaran jalan yang dijalankan pihak pemaju di sekitar Pandan Perdana sebelum kerja penebangan pokok dilaksanakan.

"Pokok di sepanjang kawasan perumahan ini majoritinya berusia lebih 30 tahun. Kini, pihak pemaju dan MPAJ mahu menebang se-

banyak 200 pokok berkenaan hanya untuk melebarkan jalan.

"Semua pokok di sepanjang laluan meliputi Jalan Pandan Utama, Jalan Cheras Indah serta Jalan 6/2 sudah ditanda dan kini hanya menunggu masa untuk ditebang pada bila-bila masa," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar di sini, semalam.

Menurutnya, jika pokok ditebang dan pelebaran jalan dilaksanakan, penduduk akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan kemudahan awam seperti tempat menunggu bas serta laluan pejalan kaki orang kurang upaya (OKU) yang akan dihapuskan bagi memberi laluan kepada projek pelebaran jalan berkenaan.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**01 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Beri PBT kuasa banteras denggi
Muka Surat	76

**Shah Alam 1/11/17 Ws 76.**

**Beri PBT kuasa banteras denggi**

Kerajaan Selangor sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan memberikan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membantu menyelesaikan masalah denggi di negeri ini.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia merangkumi kebenaran kepada PBT untuk memasuki kawasan kediaman dan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang gagal menguruskan takungan air dengan betul.

“Kebanyakkan kes denggi berpunca di dalam kawasan rumah. Bagaimanapun, kita tidak boleh memasuki kediaman kerana tidak

mempunyai kuasa.

“Ia hanya diberikan kepada pegawai yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan. Oleh itu, kita meminta kementerian itu memberi kuasa berkenaan kepada lebih ramai pegawai termasuk PBT,” katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara IJN Holdings Sdn Bhd dan SELGATE di sini, semalam.

Sehingga kelmarin, statistik i-Denggi menunjukkan Selangor masih merekodkan jumlah kes denggi tertinggi di seluruh negara dengan 40,722 kes dilaporkan.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**01 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tugas Rela tiada had sempadan
Muka Surat	38

38

AMPANG . HULU LANGAT

RABU 1 NOVEMBER 2017 • SINAR HARIAN

RUBUNG SKUDU AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003. (S)

# **Tugas Rela *tiada had sempadan***

Berganding bahu dengan warga Rumah Pangsa Taman Lembah Maju dalam aktiviti basmi wabak dengan

PANDAN INDAH - Penduduk Rumah Pangsa Taman Lembah Maju bersama Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) mengambil inisiatif dengan menganjurkan Program Gerak Advokasi Denggi bagi langkah pencegahan wabak dengan yang semakin menular di kediangan itu.

Ketua Perhubungan Rela Ampang 2, Kapten Abdul Hamid Mohamad Yusof berkata, pihaknya memandang serius kes denggi yang berlaku di kawasan rumah pangsa berkenaan.

"Kita secara sukarela bersama penduduk melakukan aktiviti gotong-royong bersihkan kawasan pembiakan nyamuk di sekitar kediaman mereka," katanya.

Menurutnya, langkah pencegahan yang boleh di-



Rela bersama penduduk menggembung tenaga melakukan aktiviti gotong-royong memberantas denggi di kawasan sekitar rumah pangsa berkenaan.

lakukan oleh penduduk pula ialah memastikan tiada bahayang boleh menakutkan air di sekitar kawasan rumah. "Sepatutnya aktiviti seperti ini perlu kerap diadakan...sekaligus kita boleh didik masyarakat kepenting-

an menjaga kawasan persekutuan. Kerana pada akhirnya, kita juga yang dapat manfaatnya.

"Sebab saya lihat ada lagi segelintir masyarakat yang masih pandang ringan bila sentuh bab kebersihan...sikap

ini perlu diubah," katanya. Sementara itu, Pengurus Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah Pangsa Taman Lembah Maju, Riki Suhendra Zayardin berkata, gotong-royong itu diharap dapat membantu mengatasi masalah

berkenaan.

"Jabatan Kesihatan telah turun padang dan buat pemantauan sebanyak lapan kali, manakala sebanyak lima laporan kes denggi di sini.

"Penduduk dakwa kawasan perbiakan nyamuk ae-

des ini berkemungkinan berada di luar kawasan pagar rumah pangsa ini.

"Kita percaya kawasan semak samun yang berada berhampiran kawasan kediaman berkemungkinan jadi punca," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
01 NOVEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Pemaju, kontraktor kena tindakan jika langgar syarat EIA
Muka Surat	12

Ms.12

Rabu, 1 November 2017 BH

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

# → HALAMAN KOTA

ISU BANJIR KILAT DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

## Pemaju, kontraktor kena tindakan jika langgar syarat EIA

Laporan akhbar BH, semalam.

• Siasatan awal dapati projek tiada kolam takungan, perangkap sampah

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

■ Kuala Lumpur

Tindakan akan diambil terhadap pemaju dan kontraktor tapak pembinaan yang menjadi punca banjir kilat di Lebuhraya Persekutuan kelmarin, jika didapati melanggar syarat Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata siasatan awal pihaknya mendapati tapak pembinaan di sebelah lebuh raya itu tidak memasang kolam takungan dan perangkap sampah seperti disyaratkan dalam EIA.

Bagaimanapun, katanya, Jataan Alam Sekitar (JAS) hanya boleh mengambil tindakan terhadap pemaju jika projek pembinaan berkenaan diluluskan selepas Ogos 2015, iaitu ketika sistem EIA baharu dilaksanakan.

**Harap DBKL siasat**

"Kita sedang kenal pasti tarikh kelulusan projek. Kami tidak boleh ambil tindakan terhadap pemaju jika projek diluluskan sebelum Ogos 2015, iaitu sebelum sistem EIA baharu dilaksanakan."

"Bagaimanapun, projek itu masih di bawah kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melulusannya."

"Saya harap DBKL akan menyiasat jika ada peraturan EIA dalam perundangannya serta sama ada ia disyaratkan ketika

proyek itu diluluskan."

"Jika ada, DBKL boleh ambil tindakan kerana pemaju melanggar syarat berkenaan," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

**Kenderaan terperangkap**

Banjir kilat di Lebuhraya Persekutuan laluau Kuala Lumpur ke Shah Alam berhampiran susur keluar ke lebuh raya Kerinchin Link dan Pantai Dalam semalam, menyebabkan ratusan kenderaan terperangkap dalam kesesakan jalan raya.

Wan Junaidi berkata, banjir kilat itu bukan berpunca daripada taburan hujan tinggi kerana sistem saliran dan perparitan mampu menampung hujan antara jam 1 tengah hari hingga 4 petang semalam.

Sebaliknya, ia berpunca dari pada kecuaian pihak pemaju dan kontraktor, menyebabkan lumpur serta sampah tapak pembinaan mengalir ke dalam parit dan longkang lebuh raya hingga menyumbat sistem saliran, menyebabkan air melimpah ke jalan raya.

"Jika pembinaan itu diluluskan sebelum Ogos 2015 dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak meletakkan syarat EIA, pemaju boleh melarikan diri daripada tanggungjawab memasang takungan air dan perangkap sampah," katanya.

Ditanya mengapa peraturan EIA diperkenalkan pada Ogos 2015 tidak boleh digunakan pakai terhadap projek yang diluluskan sebelum tarikh itu, Wan Junaidi berkata, pelaksanaan undang-undang tidak boleh dianjak ke belakang.